

## Pembangunan Remaja Masjid Masa Kini: Satu Tinjauan di Masjid Daerah Kinta, Perak

**BITARA**Volume 3, Issue 3, 2020: 168-183  
© The Author(s) 2020  
e-ISSN: 2600-9080  
<http://www.bitarajournal.com>

### [Current Development of Mosque Youth: A Study at Daerah Kinta, Perak]

Muhammad Imran Ibrahim,<sup>1</sup> Mohd Nizam Sahad<sup>1</sup> & Suhaila Abdullah<sup>1</sup>

#### Abstrak

Peranan masjid dalam Islam telah banyak dibincangkan. Namun, realiti masa kini memperlihatkan bahawa golongan remaja dan belia, yang merupakan aset terpenting bagi sebuah negara seakan-akan memisahkan diri dari masjid. Masjid pada masa kini hanya dilihat sebagai tempat untuk orang dewasa, warga tua dan pesara. Pemahaman seperti ini dalam masyarakat perlu diubah. Oleh kerana peranan masjid hari ini nampaknya disempitkan oleh kurangnya penglibatan golongan muda, anjakan paradigma yang berkesan perlu dilaksanakan. Kajian kualitatif ini mengkaji peranan empat masjid utama di Daerah Kinta Perak dalam menjalankan dan menyokong program dan aktiviti belia. Ia akan memfokuskan pada peranan yang dimainkan oleh jawatankuasa dan pentadbir masjid-masjid tersebut dalam usaha mereka mempermudah usaha pembangunan remaja dan belia. Kajian ini akan mengenal pasti kekuatan dan kelemahan pelbagai program dan aktiviti yang dianjurkan oleh masjid-masjid tersebut. Ia juga bertujuan untuk mengenal pasti masalah yang dihadapi oleh pihak penganjur, agar penemuan kajian dapat memberikan cadangan penambahbaikan terhadap program untuk golongan remaja dan belia untuk masa depan. Kajian ini menyarankan bahawa pihak pengurusan masjid harus menetapkan garis panduan bagi penglibatan remaja dan menjadikan masjid sebagai institusi yang mesra remaja dan belia. Selain itu, kajian ini juga akan memberi perhatian terhadap insentif yang diterima oleh masjid-masjid berkenaan dan keberkesanan Biro Pemuda Masjid institusi tersebut. Sebagai kesimpulannya, kajian ini merumuskan bahawa mereka yang terlibat sebagai pentadbir masjid harus sentiasa bersifat kreatif dan inovatif untuk memastikan program pembangunan belia masjid dapat dipertingkatkan seiring dengan peredaran semasa agar dapat menarik minat golongan remaja dan belia untuk turut serta dalam program dan pada masa yang sama menyertai aktiviti ibadah. Memastikan program yang bersifat semasa dan terkini yang sesuai dengan usia dan keperluan remaja dan belia sangat penting dan ini dapat diusahakan melalui peranan masjid sebagai institusi suci dalam Islam.

#### Kata kunci:

Masjid, Remaja, Biro Belia Masjid, Pengimarah, Masjid Daerah Kinta.

#### Abstract

The role of mosque in Islam has been widely discussed. However, today's reality sees teenagers and youths, who are the most important assets of a country seen as separating themselves from mosques. The mosque is seen only as a place for the adults, the elderly and retirees. This kind of understanding in society needs to be changed. As the role of the mosque today seems to be narrowed by the lack of youth involvement, the effective paradigm shift needs to be made. This qualitative study examines

<sup>1</sup> Pusat Pengajian Ilmu Kemanusiaan, Universiti Sains Malaysia Pulau Pinang, MALAYSIA..

#### Corresponding Author:

MOHD NIZAM SAHAD, Bahagian Pengajian Islam, Pusat Pengajian Ilmu Kemanusiaan, Universiti Sains Malaysia 11800 Pulau Pinang, MALAYSIA.  
E-mail: nizamsahad@usm.my

the roles of four main mosques in the Kinta Perak District in conducting and supporting youth programs and activities. It will focus on the roles played by those mosques' committees and administrators in their efforts to facilitate the development of youth mosques. This study will identify the strengths and weaknesses of the various programs and activities organized by those mosques. It also aims to identify the problems faced by the organizers, so that the findings of the study can provide suggestions for improvements of the mosque's youth program in the future. This study suggests that the mosque management should establish a guideline for youth involvement and to make mosques as youth friendly institutions. Besides that, this study will also give attention at the incentives received by the mosques and the effectiveness of the Mosque Youth Bureau of those institutions. As a conclusion, this study suggest that those involved as the mosques' administrations should be creative and innovative to ensure that the mosque's youth development program can be enhanced so that it can attract youths to participate in the programs and at the same time join the worship activities. Ensuring up-to-date programs which suit youths age and needs are extremely significant and this can be materialised through the role of mosques as sacred institutions in Islam.

*Keywords:*

Mosque, Youth, Mosque Youth Bureau, Worship, Kinta District Mosque

**Cite This Article:**

Muhammad Imran Ibrahim, Mohd Nizam Sahad & Suhaila Abdullah. 2020. Pembangunan remaja masjid masa kini: Satu tinjauan di masjid Daerah Kinta, Perak. *BITARA International Journal of Civilizational Studies and Human Sciences* 3(3): 168-183.

## Pengenalan

Membangunkan program remaja adalah anjakan dari kepentingan golongan muda sebagai aset penting negara dan sebagai golongan pelapis serta pemimpin masa hadapan. Bagi Islam, keutamaan golongan ini adalah diberi perhatian dan didikan secara berperingkat mengikut umur kerana ia tempoh pembentukan mereka mencari identiti dan mudah dipengaruhi oleh sebarang unsur positif atau negatif (Masyhur 2013) mengatakan: "Tarbiyah bukanlah segala-galanya, tetapi segala-galanya bermula dengan tarbiyah." Maka masjid bagi golongan remaja adalah tempat *tarbiyah* dalam erti mengasuh, mendidik, memelihara, menyempurnakan, menunjuki (Abdul Murad t.th.) dan merupakan wadah penyemaian akidah, syariah dan akhlak.

Di samping itu, kepentingan solat dan impaknya yang cukup besar dalam membina generasi bertakwa dan produktif, maka metode berkesan perlu diselidik dan dilaksanakan secara berterusan (Arifin Mamat & Shukeri Mohamad 2012). Justeru, kajian berkaitan pembangunan remaja masjid di Daerah Kinta, Perak ini meliputi kajian terhadap empat buah masjid utama. Tumpuan kajian ialah berkaitan kekuatan dan kelemahan program-program pengimarah masjid yang mendukung aspirasi menyediakan landasan golongan muda kembali ke masjid.

Umum mengetahui bahawa masjid merupakan sebuah institusi yang dikaitkan sebagai tempat beribadah bagi umat Islam serta keutamaannya merupakan perantara komunikasi yang menghubungkan mereka dengan Allah s.w.t (*habl minallah*) dan juga perhubungan mereka sesama manusia (*habl minannas*) (Hashim Fauzy Yaacob 2008). Konsep ini sepenting masjid Quba' yang dibina atas dasar takwa yang berlaku dalam peristiwa hijrah agung Nabi s.a.w sebagai menifestasi sebuah institusi yang wajib didahulukan perwujudannya (Nazrin 2019).

Satu perkara paling unik tentang masjid adalah ia merupakan bangunan yang dikaitkan dengan *qalb* (hati) seorang lelaki muslim dalam hadith yang mulia. Hadith ini pada permulaannya menceritakan tentang seorang pemuda yang membesar dengan beribadah kepada Allah s.w.t. Rasulullah s.a.w bersabda:

سَبْعَةٌ يُظِلُّهُمُ اللَّهُ فِي ظِلِّهِ يَوْمَ لَا ظِلَّ إِلَّا ظِلُّهُ: الْإِمَامُ الْعَادِلُ، وَشَابٌّ نَشَأَ بِعِبَادَةِ رَبِّهِ، وَرَجُلٌ قَلْبُهُ مُعَلَّقٌ فِي الْمَسَاجِدِ، وَرَجُلَانِ تَحَابَّا فِي اللَّهِ اجْتَمَعَا عَلَيْهِ وَتَفَرَّقَا عَلَيْهِ، وَرَجُلٌ طَلَبْتُهُ امْرَأَةٌ ذَاتُ مَنْصِبٍ وَجَمَالٍ فَقَالَ: إِنِّي أَخَافُ اللَّهَ، وَرَجُلٌ تَصَدَّقَ أَخْفَى حَتَّى لَا تَعْلَمَ شِمَالُهُ مَا تُنْفِقُ يَمِينُهُ، وَرَجُلٌ ذَكَرَ اللَّهَ خَالِيًا فَفَاضَتْ عَيْنَاهُ

Maksudnya: “Tujuh golongan yang akan mendapat naungan ‘Arash Allah pada hari di mana tidak ada naungan kecuali hanya naungan-Nya. Imam (pemimpin) yang adil, pemuda yang tumbuh besar dalam beribadah kepada Tuhannya, seseorang lelaki yang hatinya senantiasa terpaut pada masjid, dua orang yang saling mencintai kerana Allah, di mana keduanya berkumpul dan berpisah kerana Allah, dan seorang laki-laki yang diajak (berzina) oleh seorang wanita yang berkedudukan lagi cantik, lalu ia mengatakan: “Sungguh aku takut kepada Allah.” Seseorang yang bersedekah lalu merahsiakannya sehingga tangan kirinya tidak mengetahui apa yang diinfaqkan oleh tangan kanannya, dan orang yang berzikir kepada Allah di waktu sunyi, lalu berlinanglah (berjatuhan) air matanya.” (Hadith sahih. Diriwayatkan oleh al-Bukhari, II/143 – Fath, dan Muslim, no. 1031).

Oleh itu, hadis di atas menjelaskan bahawa hubungan seorang muslim dengan masjid bukan diukur dari sudut jarak jauh akan tetapi dari segi keterikatan hati dan kecintaan seseorang pada masjid. Ia merupakan antara kata kunci bagi mencari jawapan kepada permasalahan kajian iaitu kaedah untuk mendekatkan hati golongan remaja terhadap institusi masjid pada zaman yang serba mencabar ini. Hal ini penting untuk diusahakan kerana golongan remaja merupakan mata rantai kepada legasi ummah dan agen kelestarian agama Islam itu sendiri.

Sementara itu, Pengarah *Tourisme Perak*, Ibrahim Seddiqi Talib mengatakan: “Perak antara negeri yang kaya dengan sejarah dan masjid adalah entiti istimewa yang bukan saja harus dibanggakan malah diuar-uarkan kepada pelancong domestik mahu pun luar negara. Sasaran kunjungan tidak terhad kepada pelancong Muslim bahkan semua bangsa dialu-alukan untuk mencungkil pengetahuan mengenai masjid berserta sejarah juga aspek keagamaannya” (Bennie 2015).

Oleh itu, skop kajian ini meliputi empat buah masjid utama di jajahan Kinta meliputi Daerah Ipoh iaitu:

1. Masjid Sultan Idris Shah II (Masjid Negeri Perak),
2. Masjid Muhibbuddin Shah (Masjid berhampiran Hospital Raja Permaisuri Bainun, Ipoh)
3. Masjid Sultan Azlan Shah (Masjid berhampiran institusi - Institut Tadbiran Islam Perak (INTIM).

Sementara itu, di Daerah Batu Gajah pula masjid yang terlibat ialah Masjid Toh Puan Besar Hatijah (yang merupakan Masjid Daerah Batu Gajah).

Kajian akan dibahagikan kepada dua bahagian utama. Bahagian 1 adalah berkaitan kekuatan program serta keunikan masjid manakala Bahagian 2 pula adalah merangkumi faktor yang bersangkutan dengan kelemahan aktiviti dan program serta dapatan masalah-masalah yang dihadapi oleh masjid.

Soal selidik turut dijalankan bagi mendapatkan pandangan Imam Besar, Imam Utama dan pentadbir yang bertanggungjawab dalam pentadbiran masjid di Daerah Kinta. Set soal selidik temubual ini adalah berkaitan data profil masjid, pendapat imam dan pentadbir masjid mengenai remaja dan faktor yang menyebabkan mereka datang ke masjid serta berkaitan pembangunan program-program masjid kepada golongan remaja di beberapa masjid utama Kerajaan Negeri Perak di Daerah Ipoh dan Daerah Batu Gajah. Maklumat tambahan juga diperolehi dari akhbar atas talian dan laman *facebook* rasmi masjid.

## Kepentingan Kajian

Malcolm X telah melatih pemuda-pemudi yang berdisiplin dan bermoral tinggi di Amerika Syarikat dan menamakan mereka "*Fruits of Islam*". Suatu rangka program perlu dirancang agar para remaja berasa diri mereka adalah sebahagian dari masyarakat Islam yang membantu pembangunan umum. (Mohamad Tajudin Mohamad Rasdi 1999). Meneliti kepada beberapa penyelidikan yang telah dilakukan, impak dari kajian ini diharap dapat memberi nilai kepada remaja dan masjid serta memperbanyakkan lagi rujukan berkaitan pembangunan remaja masa kini ke masjid terutama dalam Pelan Pengimarahannya Masjid. Data daripada kajian ini diharapkan dapat memberi masukan data (*input*) yang boleh digunakan untuk meningkatkan kualiti program, fasiliti dan pengurusan pihak masjid untuk golongan remaja.

## Pembangunan Remaja Masjid Masa Kini

Pembangunan remaja masjid perlu diambil serius oleh pihak institusi agama khususnya pentadbiran masjid itu sendiri. Namun ia mempunyai kelompangan kerana golongan remaja yang mewakili seluruh golongan masyarakat sebenarnya dilihat kurang dan tidak berminat ke masjid. Tidak kurang juga faktor dalaman masjid menyebabkan remaja tidak berminat hadir kerana melibatkan tingkahan jawatankuasa kariah dan pegawai masjid (Enakmen Pentadbiran Hal Ehwal Islam 2004) selaku pentadbir yang bertanggungjawab bagi sesuatu masjid.

Sementara itu, kekurangan usaha pihak yang berkenaan dalam menimbulkan kesedaran remaja terhadap kewajipan dan manfaat solat berjemaah di masjid menyebabkan golongan ini meminggirkan diri dari institusi masjid. Hal ini menyebabkan mereka jauh dari agama serta mudah terdedah dengan pengaruh negatif, masalah sosial dan keruntuhan akhlak. Salah satu kajian mengenai remaja terutama di kalangan pelajar menunjukkan penghayatan solat masih rendah, pelaksanaan solat tidak dianggap penting di samping solat dianggap bukan keutamaan manakala tahap pengimarahannya juga masih rendah. Aspek gaya hidup juga memainkan peranan terhadap kewujudan faktor-faktor di atas (Shukri et al. 2014).

Justeru, aktiviti *in door* serta *out door* untuk remaja muslim yang dijalankan di masjid-masjid merupakan salah satu cara pembangunan remaja masjid masa kini dengan kaedah dakwah untuk menarik dan mendekatkan diri remaja muslim kepada masjid di samping menyampaikan ilmu serta mendedahkan kefahaman tentang Islam kepada mereka (Mohamad Sofuan Bin Mohamad Saleh 2018).

## Peranan Masjid Membina Rohani dan Jasmani Remaja

Masjid dalam Islam memainkan peranan yang sangat penting untuk pembentukan diri seorang muslim dan juga membina masyarakat Islam. Ia merupakan kilang memproses, mendidik serta membentuk teras-teras dan asas-asas keperibadian muslim (Mohd Murtadza 2006). Sesuai dengan saranan oleh mantan Ketua Pengarah Jabatan Kemajuan Islam Malaysia (JAKIM) Datuk Wan Mohamad Datuk Sheikh Abdul Aziz dalam Multaqa Imam-Imam Seluruh Negara Tahun 2008, mengatakan “Masjid satu-satunya institusi sosial yang berjaya dalam pendidikan dewasa berbanding institusi lain dan sekarang ini ada keperluan untuk masjid memainkan peranan menyokong sistem pendidikan untuk anak-anak dan remaja. Namun begitu prasarana di masjid hendaklah kondusif untuk remaja dan wanita.” (Zulkifli 2015).

Menjadikan masjid satu institusi yang mesra kanak-kanak dan remaja adalah merupakan keperluan utama. Masjid mempunyai fungsinya yang utama kepada masyarakat Muslim iaitu menjadi pusat pembangunan masyarakat. Ia perlu dijadikan sebagai tapak dan pusat menyokong pembentukan jati diri generasi umat Islam pelapis masa depan (Jamilia et al. 2017).

Walaupun begitu, pelbagai usaha dilakukan oleh agensi kerajaan dalam menyediakan program bagi golongan pelapis ini dan menyelesaikan permasalahan yang mereka hadapi. Kementerian Belia Sukan merupakan agensi yang secara terus terlibat dengan pembangunan golongan muda negara. Program Rakan Muda di bawah kementerian telah diperkenalkan dan dilaksanakan sejak 29 Oktober 1994. Ia memasuki fasa II dan dilancarkan oleh YAB. Dato’ Seri Abdullah Hj. Ahmad Badawi, Perdana Menteri Malaysia pada 29 Mei 2008 di Kompleks Rakan Muda Bukit Kiara, Kuala Lumpur (Kementerian Belia Sukan t.th.).

Sebaliknya, (Azimi Hamzah t.th.) dalam pengenalan kertas perbincangannya mengatakan “Kewujudan Program Rakan Muda adalah merupakan lanjutan dari kajian mengenai remaja lepak. Hasil kajian disokong oleh data yang diperoleh dari pihak polis, sekolah, seminar juvana, dan juga kajian berkaitan menunjukkan bahawa remaja dan belia (terutama belia Melayu / Islam) terdedah kepada gejala sosial negatif di tahap yang amat merunsingkan. Data ini juga memaparkan bahawa rata-rata para remaja dan belia yang terlibat adalah mereka yang tidak menunaikan solat, kurang pendedahan agama dan tidak dapat bimbingan agama.”

Maka, wadah pembentukan para remaja dan belia ke arah kehidupan yang sihat dan mempunyai kekuatan untuk menangkis pujukan kemungkar adalah objektif kewujudan Program Rakan Muda itu sendiri walaupun mempunyai beberapa kelemahan. Justeru pembangunan remaja masjid adalah kaedah mengatasi kelemahan dan kelompangan itu. Justeru, Kerajaan Negeri Perak telah memberi pengiktirafan kepada golongan belia dengan menyampaikan anugerah kepada Tokoh Belia Masjid Peringkat Negeri Perak 2017 iaitu

saudara Muhammad Taufiq Abdul Mutalib bersempena dengan Ijtimak Belia Masjid di kediaman Y.A.B Menteri Besar Perak yang dihadiri oleh 2000 orang belia (*Perak Today* 2017)

## Objektif Kajian

Objektif kajian ini adalah untuk mengkaji kekuatan dan kelemahan program pembangunan remaja di empat buah masjid di daerah Kinta, Perak dan mengkaji faktor-faktor kekuatan dan kelemahan pembangunan remaja masjid di Daerah Kinta serta mencadangkan ciri-ciri perlu yang patut disediakan oleh pengurusan masjid bagi mewujudkan satu garis panduan bagi remaja masjid dan mewujudkan masjid mesra remaja.

## Kekuatan Program Pembangunan Remaja oleh Masjid Daerah Kinta

Berdasarkan Jadual 1 dan 2 di bawah boleh disimpulkan kekuatan program pembangunan remaja oleh masjid daerah Kinta ialah:

### Penganjuran Aktiviti yang Menarik Minat Remaja

Terdapat pelbagai aktiviti menarik yang telah dijalankan oleh masjid-masjid di daerah Kinta, Perak iaitu:

Jadual 1: Aktiviti dan program masjid yang paling menarik minat remaja.

Masjid	Program Dalaman (In Door)	Program Luaran (Out Door)	Program Paling Menarik Remaja
i. Masjid Sultan Idris Shah II	i. Tahfiz Junior (Sepanjang Tahun) ii. Kafa Belia (Sepanjang Tahun) iii. Kelas mengaji al-Quran Masjid Negeri iv. Qiamulaaail dan Solat Subuh Sejuta Pemuda	i. Futsal Belia Masjid Negeri Perak ii. Segmen Program Santai Anak Muda di radio Perak f.m. iii. Program Rekreasi Belia	Fit Masjid yang melibatkan aktiviti <i>in door</i> dan <i>out door</i> remaja.

<p>ii. Masjid Muhibbuddin Shah</p>	<p>i. Kelas Tarannum ii. Pengajian Kitab Turath dan Akidah Sifat 20 iii. Kursus Pengucapan Awam</p>	<p>i. Satukan Hati Dengan Masjid (CSR ke KOA Kuala Mu) ii. Perarakan Sambutan Maulidur Rasul iii. Sejadah Boys</p>	<p>Masjid Care Ex SPM</p>
<p>iii. Masjid Sultan Azlan Shah</p>	<p>i. Tuiton Percuma kepada remaja calon UPSR, PT3, SPM ii. Pengisian rohani minggu suaikenal dan Tahsin al-Quran bagi pelajar Politeknik Ungku Umar. iii. Kem cuti sekolah (The Journey of khalifah)</p>	<p>i.CSR gotong royong membersih masjid ii. Pertandingan Penghasilan Robotic iii. Program Menyantuni Pelajar Susah</p>	<p>Street Dakwah (Dakwah jalanan iaitu dari masjid ke jalan)</p>
<p>iv. Masjid Toh Puan Besar Hatijah</p>	<p>i.KULIAH ONLINE (Dalam Talian) di facebook page Belia Masjid Batu Gajah : <a href="https://www.facebook.com/beliamasjidbatugajah/">https://www.facebook.com/beliamasjidbatugajah/</a> ii.Kelas Mengaji Iqra' &amp; al-Quran iii. Khatan Beramai-ramai iv. Karnival Cinta Masjid-Batu Gajah Berselawat.</p>	<p>i.Program Santuni Fuqara' Dari Anjuran Belia Masjid ii.Program Bantuan Keperluan Asas Masjid Toh Puan Besar</p>	<p>Karnival Mahabbah Komuniti</p>

		Hatijah (Mtpbh)	
		iii. Kem Usrah Kembara ke Gua Tempurung	

Jadual 2: Kewujudan Biro Belia Masjid dan Jumlah Peruntukan

<b>BIRO BELIA MASJID</b>			
	Ada	Tiada	Peruntukan Program Remaja
i. Masjid Sultan Idris Shah II	√		RM24,800 setahun
ii. Masjid Muhibbuddin Shah	√		RM30,000.00 setahun
iii. Masjid Sultan Azlan Shah		X	RM5000.00 setahun
iv. Masjid Toh Puan Besar Hatijah	√		RM5,000.00

### Pegawai Masjid Terdiri dari Golongan Muda

Walaupun kerjaya sebagai imam atau bilal bukanlah antara cita-cita dan pilihan utama anak muda, namun sudah sampai masanya kriteria ini diambil kira. Ketua Imam, Masjid Jamek Raja Tun Uda, Shah Alam, Firdaus Subhi mengatakan: “Profesion sebagai imam belum dilihat sebagai kerjaya profesional, tetapi tanggungjawab dan bidang tugasnya lebih mencabar berbanding profesion lain, malah mereka pada masa kini bukan lagi sekadar mengimamkan solat. Dalam suasana hari ini, agak kurang imam profesional, lebih-lebih lagi dalam kalangan generasi muda. Sewajarnya mereka ini meneruskan proses mencari ilmu, apatah lagi pahalanya cukup besar.” (Latifah Arifin 2018)

Keempat buah masjid di daerah Ipoh dan daerah Batu Gajah ini mempunyai imam dari golongan belia. Imam-imam adalah lantikan kerajaan dan mempunyai latar belakang pendidikan Ijazah Sarjana Muda dari universiti luar negara seperti Jordan dan Mesir. Mempunyai suara yang tersendiri dari sudut *qiraat* atau bacaan semasa solat adalah merupakan daya tarikan masyarakat untuk ke masjid. Sentimen “orang muda” disini dilihat sebagai faktor dalam memainkan peranan menarik minat golongan remaja ke masjid adalah kerana mereka selesa didekati. Hanya orang muda yang kenal orang muda. Melalui pemerhatian, tiada istilah protokol, senang didekati serta mudah dibawa berbincang dan gaya bicara yang santai adalah kriteria yang menjadi penarik kepada imam yang mesra remaja. Manakala bilal atau *muazzin* pula adalah terdiri dari mereka yang mempunyai kekuatan dan kelunakan suara dalam mengalun azan sekali gus menarik orang ramai datang ke masjid. Justeru, para remaja dapat



dibentuk dengan kehadiran pegawai masjid yang terdiri dari golongan belia yang dapat menjiwai anak muda.

### **Kerjasama Baik Pegawai Masjid dan Jawatankuasa Masjid serta Agensi Luar**

Program pembangunan remaja dapat dilaksanakan dengan jayanya hasil kerjasama yang baik. Biro-biro memainkan peranan yang sepatutnya serta dilakukan secara berpasukan dan tiada istilah “*one man show*” dalam gerak kerja. Sama ada diberi tugas sebagai ahli jawatankuasa, badan petugas ataupun kumpulan mutu kerja, kerja berpasukan adalah asas utama memudahkan peranan yang dimainkan. Kerja berpasukan memberi pendedahan berkaitan perancangan, pelaksanaan dan bagaimana hendak menilai prestasi yang ditunjukkan (Yeop Hussin Bidin 2006)

Pemerhatian pengkaji mendapati ketiga buah masjid ini mempunyai sifat persefahaman yang baik menjadikan kerjasama yang erat dalam menjayakan sesebuah program. Masjid telah mengambil peluang dan ruang kolaborasi atau jalinan kerjasama dengan agensi luar seperti agensi pendidikan tinggi terdiri dari kolej dan universiti swasta serta agensi pendidikan rendah terdiri dari sekolah rendah dan sekolah menengah.

Jalinan kerjasama ini menatijahkan konsep “*win-win situation*” antara masjid dan agensi. Seperti contoh satu program oleh Universiti Kuala Lumpur (UniKL) Ipoh yang memerlukan kerjasama dari Masjid Muhibbuddin Shah di Kampung Orang Asli (KOA) Pos Kuala Mu, Sg Siput diadakan. Kerjasama dengan pelajar-pelajar UNIKL, Ipoh melalui Program Satukan Hati & Masjid. Dakwah dan bantuan merupakan khidmat masyarakat (CSR) sumbangan kepada penempatan orang asli Pos Kampung Orang Asli (KOA) Kuala Mu Sg. Siput dalam bentuk penajaan majlis perkahwinan bagi orang asli. Sekiranya masjid pula memerlukan sejumlah peserta bagi program Hari Kebesaran Islam bagi tujuan meramaikan program, maka UniKL akan menghantar pelajar mereka sebagai bentuk balasan kerjasama tersebut. Kolaborasi Masjid Sultan Idris Shah II dalam program Program Fajar Sejuta Pemuda dengan kerjasama Yayasan Dana Kebajikan Muslim Malaysia telah menaja 1000 orang berbuka puasa bersama pelajar, orang awam dan kakitangan kerajaan. Kesimpulannya, kerjasama yang baik dan berpasukan akan menghasilkan program remaja berskala besar yang akan memberi impak kepada mereka nanti.

### **Menyediakan Program Penonjolan Bakat dan Penggunaan Tenaga**

Masjid yang diterima oleh remaja ialah membuka seluasnya ruang dan peluang kepada mereka untuk berkhidmat. Masjid Muhibbuddin Shah yang mempunyai kariah masjid agak mencabar kerana merupakan penempatan rumah pangsa dikenali Pangsapuri Ashby Road dan Pangsapuri Ghazali Jawi. Ia merupakan ‘kawasan hitam’ kerana banyak berlaku kes jenayah, penyalahgunaan dadah dan lain-lain dalam Bandaraya Ipoh. Maklumat tersebut diperolehi masjid dari Balai Polis Sg. Senam Ipoh iaitu balai berhampiran. Justeru, masjid mengambil inisiatif mendekati remaja kariah ini dan membantu pihak polis untuk menjadikan ia ‘kawasan putih’ penempatan ini dihuni majoriti Kaum Melayu.

Masjid juga telah mewujudkan kumpulan anak-anak kariah dalam membantu kerja-kerja khas seperti kumpulan remaja yang dikenali sebagai Sejadah Boys. Tugas mereka adalah

membantu mengemaskini sejadah dan tikar setiap kali solat Jumaat, persiapan Program Sambutan Hari Raya anjuran masjid dan terlibat Program Ibadah Qurban. Masjid juga menubuhkan Team Hammam bagi menjaga kebersihan dan keceriaan tandas masjid untuk menimbulkan kesedaran menjaga kebersihan yang dituntut oleh agama. Oleh itu, program-program ini jelas menunjukkan mereka bersedia mencurahkan tenaga dan khidmat sekiranya diberikan tanggungjawab yang sesuai dengan minat dan kudrat. Manakala, Skuad Anak Angkat Masjid juga telah ditubuhkan untuk lebih menyantuni golongan muda terutama remaja dikariah untuk lebih mendampingi masjid sebagai pusat mesra remaja.

Selain itu, pihak masjid turut membuka ruang yang lebih luas kerjasama bersama Dewan Bandaraya Ipoh (DBI) dengan mengetengahkan bakat muzik remaja dari “Kufya Band”. Kumpulan ini telah mendapat kebenaran DBI untuk membuat persembahan busker dipusat kunjungan orang ramai untuk berlibur terutama pada hujung minggu di Bulatan Amanjaya, Meru, Ipoh. Persembahan diadakan pada waktu malam dengan membawa lagu ketuhanan. Pengkaji juga telah bersama menyertai kumpulan ini membuat persembahan dan mendapati mereka akan berhenti untuk solat Maghrib dan Isyak di dataran diikuti pengunjung yang ingin turut solat bersama. Salah seorang anggota akan melaungkan azan apabila masuk waktu Maghrib dan Isyak.

Dakwah seperti ini sangat berkesan untuk menunjukkan bahawa solat merupakan kewajipan boleh dilakukan di mana sahaja asalkan bersih dan tahu arah kiblat. Perkara ini adalah kerana ramai yang tidak mahu bersolat dengan alasan tiada masjid atau surau tidak disediakan. Berikut adalah komen yang diperolehi dari laman web tentang kawasan Bulatan Amanjaya: “Memang best! tapi apa yang mengecewakan saya... tiada surau dibina untuk umat Islam bersolat. Apabila ditanya peniaga-peniaga sekitar, semuanya mengadu susah untuk bersolat. malah terpaksa memandu jauh untuk ke masjid, pasaraya, dan restoran-restoran yang menyediakan surau”.

### **Mengadakan Program Keluar Masjid (Turun Padang dan Menyantuni Remaja)**

Program *Street Dakwah* dijadikan modul dalam mengimarahkan masjid sebagai pusat komuniti dan aktiviti dakwah kepada masyarakat. Program ini berjaya menjadikan masjid sebagai lokasi tumpuan untuk orang ramai datang mengimarahkan masjid sekali gus menarik golongan muda mengambil peranan dalam program masjid (Farah Suhaidah 2017) *Street Dakwah* iaitu dakwah jalanan dari masjid ke jalan merupakan program besar yang dilakukan oleh Masjid Sultan Azlan Shah pada tahun 2017. Pengisian santai 3 hari 2 malam sarannya utama untuk para remaja mengimarahkan masjid. Aktiviti Fun Run, Fit Masjid (Solat berjemaah Maghrib, Isyak, Qiamulail, Subuh, Tazkirah, *jogging* keliling masjid dengan berpakaian solat), ceramah remaja Dato' Kazim Ellias dan Dato Norhafizah Musa, konsert amal artis-artis yang telah berhijrah seperti Ijam Medicine, Zul Handy Black, Shamsul Ghau-ghau, Heliza Helmi, program Hafiah al-Quran bersama Syeikh Abd Karim al Makki, Us Radhi Kamarul Hailan, Us Kamaruzzaman dan Us Fahmi Asyraf (Bilal Masjid Negara), juga persembahan busker, penyertaan 70 gerai ekspo perniagaan dan pameran membabitkan pembukaan lebih 25 agensi kerajaan dan swasta.

Sementara itu, Masjid Toh Puan Hatijah merupakan masjid daerah Batu Gajah menjalankan semenjak tahun 2013 aktiviti *Street Dakwah* dengan memfokuskan tiga aspek penting dalam iaitu penyebaran ilmu, pemahaman ajaran agama serta menekankan hal

kebijakan dan pembinaan remaja Islam yang berakhlak tinggi. Inisiatif menggalakkan belia mendampingi masjid bagi melahirkan ummah cemerlang dan generasi muda yang berakhlak serta mempunyai asas agama yang kukuh bagi mendepani kehidupan kian mencabar. Dalam soal kebijakan program ini banyak menyantuni gelandangan dengan memberikan sumbangan termasuk peralatan keperluan diri dan makanan. Mereka turut membantu golongan asnaf termasuk anak yatim dan ibu tunggal khususnya pada bulan Ramadan dan Hari Raya Aidilfitri (Mona 2016)

### **Mewujudkan Program Keilmuan dan Sukan Memenuhi Keperluan Minat Remaja**

Masjid Sultan Idris Shah II merupakan masjid negeri Perak yang terletak tengah bandaraya Ipoh dikawasan pentadbiran jabatan dan agensi kerajaan Perak dan jauh dari penempatan lokaliti masyarakat setempat. Melalui Biro Belia Masjid telah menyediakan pelbagai program untuk golongan muda. Program yang berjalan sepanjang tahun ialah Tahfiz Junior yang dijalankan empat hari seminggu iaitu dari hari Isnin hingga Khamis selepas solat Maghrib bagi remaja yang berumur antara 7-15 tahun. Objektif Kelas ini ialah hafazan ayat al-Quran juz 30. Masjid mempunyai banyak dewan kuliah yang selesa maka, Kelas Mengaji al-Quran Masjid Negeri bagi remaja yang berumur antara 7-15 tahun turut diadakan empat hari seminggu iaitu Isnin-Khamis antara waktu Maghrib hingga Isyak.

Tenaga pengajar terdiri dari imam-imam dan pegawai masjid bertugas mengikut hari. Kelas fardhu ain dikenali sebagai KAFA Belia untuk golongan belia berumur 20-30 tahun yang diadakan setiap hari Rabu selepas solat Asar. Empat subjek yang diajar ialah Akidah, Fekah, Tahsin al-Quran dan Akhlak. Terdapat dikalangan peserta kelas adalah yang sudah berkerjaya. Justeru kelas akan bermula jam 5.30 petang selepas waktu kerja berakhir.

Kesimpulannya, program-program ini adalah percuma dan promosi program dilakukan melalui Facebook masjid telah berjaya menarik minat yang menggalakkan terutama kepada golongan remaja datang ke Masjid Negeri Perak. Program luaran yang berjaya dilaksanakan ialah Futsal Belia untuk 18 daerah Perak. Anjuran program ini khas untuk belia masjid dan telah menarik penyertaan daripada masjid-masjid lain dari 18 daerah dalam negeri.

### **Kelemahan Program Pembangunan Remaja oleh Masjid**

Berikut merupakan beberapa kelemahan program pembangunan remaja masjid:

#### **Dana dan Peruntukan Kewangan yang Kurang**

Pihak masjid perlu menampung keseluruhan atau sebahagian besar kos peralatan, kos pengendalian dan kos operasi setiap aktiviti dalaman dan aktiviti luaran masjid tersebut. Rentetan daripada itu, aktiviti-aktiviti remaja masjid yang berkala dan berterusan sepanjang tahun dan dilaksanakan setiap tahun, memerlukan dana kewangan yang besar. Ini merupakan cabaran kewangan yang besar untuk masjid (Mohamad Sofuan 2018).

Pihak masjid juga dilihat bergerak secara berdikari dengan peruntukan hasil derma jemaah dan tajaan orang perseorangan yang hanya datang secara *one off*. Ia juga berdasarkan jumlah program remaja yang dibuat dalam setahun.

## **Lokasi dan Kawasan Masjid Terhad**

Lokasi dua buah masjid adalah di tengah institusi pengajian dan kepadatan bandaraya Ipoh. Kedudukan Masjid Sultan Azlan Shah di lokasi pendidikan iaitu berdekatan dengan beberapa institusi iaitu:

- a. Pusat Latihan Institut Tadbiran Islam Perak (INTIM)
- b. Pusat tahfiz kerajaan negeri,
- c. Politeknik Ungku Omar,
- d. Sekolah Tunku Abd Rahman (STAR),
- e. Sekolah Raja Chulan (SRC) rendah dan menengah,
- f. Sekolah Menengah Agama Izzuddin Shah dan
- g. Kolej Vokasional Ipoh (dahulu dikenali Sekolah Menengah Teknik Ipoh).

Manakala lokasi bagi Masjid Muhibbuddin Shah berhampiran dengan :

- a. Hospital Besar Raja Permaisuri Bainun,
- b. Sekolah Menengah Anderson Ipoh,
- c. Sekolah Kebangsaan Cator Avenue,
- d. Sekolah Rendah Seri Kepayang Fair Park dan
- e. Universiti Kuala Lumpur (UniKL), Cawangan Perak.

Oleh itu, lokasi masjid yang kecil ditambahi dengan tempat letak kereta dan rumah musafir serta dikelilingi dengan institusi di atas. Justeru masjid memiliki kawasan yang terhad dengan 1-2 bilik kuliah sahaja dan tidak memungkinkan untuk golongan muda melakukan aktiviti luar seperti taman permainan dan lokasi futsal, badminton dan lain-lain. Selain itu, kedudukan masjid yang terletak jauh dari kawasan penempatan penduduk setempat turut menyebabkan golongan remaja sukar ke masjid.

Dalam pada itu, pihak masjid juga menghadapi masalah kekurangan kakitangan dan tenaga kerja. Bagi menarik komuniti di sekeliling terutama golongan muda yang memerlukan pemerhatian yang lebih dan turun padang untuk didekati jumlah tenaga kerja perlu ramai. Ada masjid yang mempunyai dua orang Imam dan dua orang Bilal berjawatan tetap lantikan kerajaan. Kekangan tugas dengan melakukan tiga kerja sekaligus menjadi imam, menjaga pentadbiran oleh kerana tiada kerani khas dan melakukan program pengimarahannya serta kerja kemasyarakatan sekaligus.

## **Dapat Kajian dan Cadangan**

Beberapa dapatan dan cadangan yang terhasil dari kajian ini dimajukan untuk pihak-pihak terbabit mengambil perhatian dan tindakan sewajarnya, iaitu:

## Rapatkan Jurang dan Stigma kepada Golongan Remaja

Buang jurang perbezaan dan persepsi tidak baik antara AJK, jemaah dan remaja. Menerusi maklumat yang diperolehi dari masjid yang dikaji, terdapat segelintir jemaah yang veteran berasa kurang senang dengan golongan remaja yang memenuhi saf solat barisan hadapan. Bahkan situasi lebih teruk ada antara mereka yang menghalau ke belakang golongan remaja tersebut untuk duduk di saf belakang. Juga ada antara mereka membuat teguran kepada remaja di khalayak ramai tanpa memikirkan air muka remaja itu. Akhirnya ia menimbulkan stigma bahawa masjid adalah tempat untuk golongan remaja dimarahi oleh orang tua.

Perkara ini berlaku kepada Nadzrul Zarfan Sharul Azly yang mendapat perhatian negara berkaitan surat bantahannya kepada pengerusi masjid tular di media sosial kerana diminta berundur ke saf belakang dari saf pertama walaupun sudah berkhatan. (Portal Malaysiakini 2019). Sebenarnya ini adalah peristiwa antara sebab-sebab golongan remaja tawar hati dan tidak berminat ke masjid. Pertembungan ini tidak akan berakhir sekiranya golongan yang berumur tidak menyantuni dan mengasahi yang muda. Daripada Abdullah bin Abbas RA berkata, bahawa Nabi SAW bersabda:

كَبِيرَنَا وَيُوقِّرُ صَغِيرَنَا يَرْحَمُ لَمْ مِنْ مَنَا لَيْسَ

Maksudnya: “Bukan daripada kalangan kami (sunnah kami), orang yang tidak menyayangi orang yang muda (lebih kecil usia) dan orang yang tidak menghormati orang yang dewasa (lebih berusia).” (Riwayat al-Tirmizi)

Faktor lain yang perlu diberikan perhatian ialah dari segi sikap dan pendekatan sebilangan kecil jawatankuasa yang terdiri dari golongan berumur yang tidak berusaha untuk mengadakan program yang dapat menarik minat remaja. Hal ini juga merupakan antara faktor program pembangunan remaja kelihatan tidak bermaya dan tidak mengikut peredaran zaman.

## Menyalurkan Peruntukan Khas kepada Biro Belia Masjid dan Program-program Remaja

Sikap berkira oleh jawatankuasa masjid dan tidak memandang serius dalam memberi dana atau peruntukan program remaja oleh mereka yang bertanggungjawab sebagai pembuat dasar akan membantutkan usaha menggalakkan remaja ke masjid. Pengurusan Masjid Muhibbuddin Shah menyatakan dengan bajet RM5000-RM6000 setahun tidak dapat menghasilkan pembangunan remaja yang maksimum. Banyak perkara tidak dapat dilaksanakan kerana kekangan peruntukan seperti menyantuni golongan muda di pangsapuri yang memerlukan penggunaan wang yang banyak. Namun, Masjid Sultan Azlan Shah walaupun tiada Biro Remaja Masjid telah meletakkan kadar RM5000.00 setahun bagi program remaja. Masjid Toh Puan Besar Hatijah juga memberi anggaran bajet RM5000.00 setahun mengikut aktiviti.

Kreativiti juga penting untuk menyediakan program yang dapat menarik minat remaja. Beberapa masjid sudah mengorak langkah dengan melakukan inisiatif sendiri melakukan program yang menggalakkan golongan muda ke masjid. Terdapat masjid yang memberikan insentif belanja sekolah bagi remaja yang datang solat subuh berjemaah di masjid. Imam Utama Masjid Masjid Daerah Seberang Prai Tengah (SPT) di Bandar Perda, Bukit Mertajam, Ustaz

Abu Mansur Maturidi Mohd Romli menawarkan kepada kanak-kanak sekitar kariahnya menerusi program Kad Ganjaran Geng Masjid Junior (Alias Abd Rani 2019). Ganjaran yang akan mereka dapat ialah belanja makan di restoran makanan segera jika solat dengan betul dan tidak bermain dalam masjid.

### **Memberikan Ruang kepada Golongan Remaja dan Peluang Berperanan di Masjid**

Selalu kedengaran suara hati remaja untuk berkhidmat kepada masjid. Namun begitu, ia seperti ada batasan dan sempadan yang tidak nampak namun menghalangi hasrat tersebut. Kajian mendapati program tidak menepati cita rasa remaja disebabkan kebanyakan jawatankuasa masjid dipimpin oleh golongan veteran. Golongan ini kurang memberi peranan kepada golongan remaja. Justeru memberikan sendiri golongan muda tanggungjawab untuk menyusun dan mengadakan aktiviti program remaja dengan pengawasan dan nasihat pentadbiran masjid adalah jalan terbaik bagi menarik golongan itu ke masjid.

Kewujudan Biro Belia Masjid di Masjid Sultan Idris Shah II, imam-imam muda di masjid Sultan Azlan Shah, kumpulan remaja yang berkhidmat untuk masjid diberi nama Sejadah Boy dan *buskernya* Kufiyah Band di Masjid Muhibbuddin serta facebook Belia Masjid Toh Puan Besar Hatijah, adalah bukti bahawa golongan muda masih mempunyai harapan untuk kembali memenuhi masjid sekiranya ruang-ruang untuk mereka diberikan seluasnya dengan pengawalan yang sepatutnya. Peluang untuk mereka berperanan di masjid juga perlu dibuka agar mereka dapat menyuburkan bakat dan kemahiran yang ada dalam diri seterusnya mengimarahkan masjid dengan pelbagai program lain.

### **Kesimpulan**

Manusia dibentuk dengan acuan semenjak mereka kecil. Baik dan buruk perangai remaja dilentur oleh *tarbiyah* yang dimulai oleh ibu bapa dan tapaknya di masjid. Oleh itu, perancangan pembangunan remaja perlu dinilai dari semasa ke semasa supaya kekuatannya dapat dipertingkatkan dan kelemahannya dapat diatasi. Pihak yang bertanggungjawab dengan masjid perlu memastikan tidak mengadakan program yang sekadar memenuhi sasaran kerja tahunan masing-masing, mengisi jadual program, menghabiskan masa lapang atau hanya sambal lewa. Impak sesuatu program perlu dinilai dan dikaji untuk melihat keberkesanan dari program dan aktiviti tersebut. Satu rangka tindakan (*blue print*) yang dihasilkan dari idea-idea orang muda perlu dibentuk. Di samping kepentingan pengisian berbentuk kerohanian, golongan remaja masa kini perlu diberikan kemahiran, disibukkan dengan keilmuan dan yang utama dibina sikap akhlak terpuji pada diri. Biro atau Kelab Remaja Masjid juga perlu ditadbir secara berkesan dan konsisten. Biro bukan sahaja menyusun jadual aktiviti, mengiklankan keahlian dan mengurus pelantikan jawatankuasa malah mereka perlu mewujudkan banyak jaringan dengan badan-badan yang bersesuaian boleh membantu pembangunan remaja di masjid khasnya dan kawasan kariah.

## Penghargaan

Penyelidik ingin merakamkan penghargaan kepada Jabatan Agama Islam Perak (JAIPk) dan Universiti Sains Malaysia (USM) kerana membiayai penerbitan ini melalui Geran Penyelidikan (304/PHUMANITI/650937/J133) dan Geran Bridging (304/PHUMANITI/6316305).

## Rujukan

- Abdul Mu'iz Mohd Shoaib. 2020. Pegawai Hal Ehwal Islam S41 (Imam). Imam Utama dan Setiausaha Masjid Toh Puan Besar Hatijah. Temubual pada 9 Jun 2020.
- Abdul Murad, al-'Allamah al-Adib Jama'ain. t.th. Tafsir Juzuk 'Ammah (Bahasa Melayu), Patani: *Matba'ah Bin Halabi Fatani*.
- Alias Abd Rani. 2019. *Ganjaran solat, tak bermain dalam masjid*. Portal Harian Metro capaian:<https://www.hmetro.com.my/utama/2019/10/504659/ganjaran-solat-tak-bermain-dalam-masjid> (Dicapai 4 Jun).
- Azimi Hamzah. t.th. Penelitian Semula Program Rakan Muda: Ke Arah Mungkar Sifar. <http://belia.pewaris.tripod.com/artikel/rm-mungkar.htm>. Dicapai pada 22 Mei.
- Bennie Zie Fauzi. 2015. Jejak Masjid Perak Selami Keunikan Seni Bina, email: [bennie@bh.com.my](mailto:bennie@bh.com.my). Portal akhbar Berita Harian:
- Enakmen Pentadbiran Agama Islam (Perak). 2004. Peraturan Jawatankuasa Kariah Negeri Perak 2015 dan Peraturan Pegawai Masjid Negeri Perak 2018. Terbitan Kerajaan Negeri Perak.h.4 dan h.24
- Fakharuddin Hatta Takaijudin. 2020. Penolong Pegawai Hal Ehwal Islam (S29). Ketua Unit Imarah & Informasi Masjid Negeri Perak. Temubual pada 1 Jun 2020.
- Farah Suhaidah Othman. 2017 . *Street Dakwah diperluaskan seluruh Perak*. Portal akhbar Berita Harian: <https://www.bharian.com.my/node/256220> (Dicapai pada 19 Jun 2020). <https://www.bharian.com.my/node/84680> (Dicapai 2 Jun 2020).
- Jamilia Mohd Marsin, Syed Ahmad Iskandar, Ismail Mustari dan Raja Nafida Raja Shahminan. 2017. Ke arah membangunkan masjid mesra remaja. *e-Proceeding of the 4th International Conference on Masjid, Zakat and Waqf Management 2017 (IMAF-2017) (e-ISBN 978-967-13087-3-8). 4th & 5th December 2017*, Bangi, Selangor, Malaysia. h.65-78
- Laman portal akhbar online Perak Today. 2017. *2,000 Peserta Hadir Ijtimak Belia Masjid Bersama MB*. Capaian: <https://peraktoday.com.my/2017/06/2000-peserta-hadir-ijtimak-belia-masjid-bersama-mb/> (Dicapai pada 7 Jun 2020 jam 9.40 malam).
- Latifah Arifin. 2018. *Imam bukan sekadar jaga masjid, surau* Portal Berita Harian: <https://www.bharian.com.my/rencana/agama/2018/09/470022/imam-bukan-sekadar-jaga-masjid-surau>. Email: [latifah@bh.com.my](mailto:latifah@bh.com.my) (Dicapai pada 3 Jun)
- Majalah Jom*. 2013. Isu No.4. E-Book. *Menjiwai Erti Rezeki di Bumi Balad Syuhada'*. Terbitan Deen Print Sdn Bhd.
- Mdrosli Nawawi. 2020. Pembantu Hal Ehwal Islam (S19). Bertugas sebagai Bilal Masjid Muhibbuddin Shah. Bertanggungjawab Ketua Unit Komuniti dan Fasiliti masjid. Temubual pada 4 Jun.

- Mohamad Sofuan Mohamad Saleh. 2018. Aktiviti In Door Serta Out Door Masjid Dan Remaja Muslim - Isu Dan Cabaran. *E-Book of Masjid, Zakat and Waqf Management 2018* (IMAF 2018) Bangi, Selangor, Malaysia. h.51-57
- Mohamad Tajudin Mohamad Rasdi. 1999. *Peranan, Kurikulum dan Reka Bentuk Masjid Sebagai Pusat Pembangunan Masyarakat*. Skudai: Penerbit Universiti Teknologi Malaysia.
- Mona Ahmad. 2016. *Dakwah santai dari masjid ke jalanan*. Portal akhbar Berita Harian: <https://www.bharian.com.my/node/201273> (Dicapai 8 Jun).
- Mustari, M. I. & Jasmi, K. A. 2008. *Fungsi dan Peranan Masjid dalam Masyarakat Hadhari*. Skudai, Johor Bahru: Universiti Teknologi Malaysia Press.
- Portal Malaysiakini. 2020. *Mujahid kagum aura Nadzrul Zarfah*. Capaian: <https://www.malaysiakini.com/news/502955> (Dicapai 4 Jun).
- Portal rasmi Kementerian Belia Sukan. (t.th.). Capaian: <http://www.iyckul.org.my/my/produk/web-personalization/rakan-muda.html> (Dicapai pada 4 Jun)
- Shukri Ahmad, Yahya Don, Wan Abdul Rahman Khudri Wan Abdullah, Madiha Mohammed Ibrahim & Shahril Fazli Mat Hussain. 2014. Penghayatan Solat Dan Pengimarahannya Masjid : Kajian Dalam Kalangan Pelajar Universiti Utara Malaysia. *Proceeding of The Social Sciences Research ICSSR 2014*. Institusi pengajian Tinggi; Pengimarahannya Masjid; Solat; Universiti Utara Malaysia. h. 786-797.
- Sultan Nazrin Muizzuddin Shah. 2019. *Titah Persidangan Jawatankuasa Kariah Peringkat Negeri Perak Darul Ridzuan, 24 Oktober 2019*. Pusat Konvensyen, Casuarina@Meru, Ipoh
- Syed Mohd Muzzaffar Syed Azlan. Pegawai Hal Ehwal Islam (Imam) S41. Imam Utama dan Setiausaha Masjid Sultan Azlan Shah. Temubual pada 1 Jun 2020 jam 3.00 petang.
- Mohd Murtadza Ahmad. 2006. Pendidikan Anak Dengan Solat. Seminar Kebangsaan Menghayati Ajaran Islam: Sembahyang Kewajipan Asasi, Tahun 1427H/2006 M, di Sutera Hall, Center Point Hotel, Bandar Seri Begawan 22hb Ogos-23hb Ogos 2006, anjuran Jabatan Mufti Kerajaan, Jabatan Perdana Menteri, Negara Brunei Darussalam.
- Yeop Hussin Bidin. 2006. *Kerja Berpasukan - Lebih Baik dari Kerja Sendirian*. Kuala Lumpur: Terbitan PTS Sdn Bhd.
- Zulkifli Mohamad al-Bakri. 2015. *Kit Mudah: Memperkasakan Pengurusan Masjid*. Kuala Lumpur: Penerbit Pustaka Cahaya Kasturi Sdn Bhd.